

10/06/2003

Syor permudah prosedur pohon Skim Kredit Mikro

KUALA LUMPUR: Beberapa prosedur yang menyukarkan berkaitan permohonan mendapatkan bantuan pembiayaan di bawah Skim Kredit Mikro (SKM) membingungkan orang awam yang membanjiri institusi kewangan yang menawarkan kemudahan itu.

Mereka berpendapat, selain perlu mengemukakan dokumen yang banyak untuk

bank atau institusi kewangan terbabit, sesetengah pegawai bank juga didapati gagal menyelami maksud dan hasrat murni Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang juga Menteri Kewangan, yang mahukan kemudahan kredit itu dipermudahkan untuk golongan peniaga bagi menjana semula kitaran ekonomi negara dan mengurangkan penggantungan kepada ceti haram atau Along.

Seorang pengilang Low Ching Loon, berkata beliau menyokong idea mewujudkan SKM yang diketengahkan oleh Perdana Menteri semasa membentangkan Pakej Strategi Baru, baru-baru ini, tetapi kecewa dengan institusi kewangan yang mengendalikan penyediaan pembiayaan kredit itu.

"Pada dasarnya, ia amat baik dan memang menarik minat. Tetapi apabila saya datang ke kaunter Bank Simpanan Nasional (BSN) baru-baru ini untuk memohon bagi mendapatkan bantuan, saya terkejut kerana mendapati prosedurnya masih sukar dan tidak semudah disangka.

"Pihak BSN selaku pengendali skim itu perlu mengurangkan jumlah dokumen

yang diminta selain memudahkan beberapa proses permohonan. Kalau keadaannya sukar seperti sekarang mungkin berjumpa ceti haram atau Along masih boleh dianggap alternatif terbaik," katanya.

Beliau yang ditemui Berita Harian sejurus selepas selesai berurusan di kaunter BSN di ibu pejabat bank itu di ibu negara, berharap pihak kerajaan

dan BSN mengkaji semula prosedur memohon peruntukan dana itu supaya menjadi lebih mudah dan selaras dengan idea penubuhan skim itu sendiri.

"Mungkin mereka (pegawai BSN) boleh mempelajari daripada ceti haram sendiri mengenai pendekatan atau kaedah yang boleh diguna hingga membolehkan satu urusan memproses permohonan dapat dilakukan dalam masa yang cukup singkat," katanya secara berseloroh.

"Jika proses mendapatkan pinjaman ini boleh dipermudahkan saya yakin kegiatan ceti haram bukan saja akan terjejas teruk malah mungkin berkubur

sama sekali," katanya sambil memberitahu jumlah pinjaman yang ingin dipohon beliau adalah sekitar RM10,000 saja.

Zulkifli Mohd, 38, berkata SKM yang berbentuk skim pinjaman mudah yang ditawarkan kepada individu atau syarikat peniaga kecil (berasaskan bidang

bukan pertanian), berpotensi memudahkan mereka yang ingin merintis atau mengembangkan aktiviti perniagaan masing-masing.

Skim itu menawarkan had pembiayaan di antara RM5,000 hingga RM20,000. Namun jumlah pembiayaannya boleh ditingkatkan hingga mencapai had siling iaitu RM50,000.

Selain menawarkan kadar faedah pinjaman serendah empat peratus, skim

sama turut dianggap unik kerana menyediakan pelan pembayaran balik pinjaman yang fleksibel. Peminjam boleh membayar secara ansuran harian, mingguan atau bulanan dalam tempoh tidak lebih lima tahun.

"Ia menarik kerana bukan saja menawarkan pelan pembayaran balik yang praktikal bahkan tidak memerlukan sebarang cagaran dan penjamin.

"Ia (skim terbabit) cukup bagus saya harap dengan adanya skim pinjaman seperti ini masalah ceti haram atau peniaga susah hendak mendapat pinjaman daripada bank dapat diselesaikan," katanya.